



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KELANTAN

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
MOHAMAD AMAN KHAN BIN MD. HUSSAIN
PRESIDEN PERSATUAN GURU-GURU KEDAH DAN
BEKAS NAIB KETUA UMNO KUBANG PASU JITRA
KEDAH DARUL AMAN

OLEH:

MOHAMAD HASHIME BIN OTHMAN	2012944729
MOHAMAD AINUL ARIFFIN BIN JUNIT	2012171075

PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MARCH 2015 – JUNE 2015)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
MOHD AMAN KHAN BIN MD. HUSSAIN
PRESIDEN PERSATUAN GURU-GURU KEDAH DAN
BEKAS NAIB KETUA UMNO KUBANG PASU JITRA
KEDAH DARUL AMAN

OLEH:

MOHAMAD HASHIME BIN OTHMAN	2012944729
MOHAMAD AINUL ARIFFIN BIN JUNIT	2012171075

PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MARCH 2015 – JUNE 2015)

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Bismillahirahmanirahim..

Alhamdullilah, bersyukur ke atas ilahi dengan limpahan rahmat serta nikmat masa, nyawa tenaga yang dianugerahkan kepada kami dapat juga kami menyiapkan tugas ini dengan jayanya.

Pertamanya, kami ingin mendedikasikan ucapan penghargaan ini kepada pensyarah tercinta kami, Puan NurulAnissa Binti Abdullah kerana dengan tunjuk ajar serta bimbingan daripadanya membuka ruang untuk kami menyiapkan tugas ini dengan suksesnya.

Kami juga ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada ibu bapa kami yang memberi kami pemudahcara untuk menyiapkan kerja kursus ini. Mereka telah memberikan kami segala kemudahan dan sokongan moral yang tidak terhingga sampai kami berjaya menghabiskan tugas ini.

Ucapan penghargaan ini juga kami tujuhan kepada rakan-rakan yang banyak memberi peringatan terhadap setiap apa yang kami telah alpa. Mereka membantu kami dengan menjawab setiap pertanyaan yang kami uterakan kepada mereka.

Akhir madah, kami mengucapkan terima kasih kepada mereka yang terlibat secara lansung atau sebaliknya dalam pembikinan kerja kursus ini. Terima kasih.

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA	SURAT
Penghargaan.....	i-ii	
Isi Kandungan.....	iii-iv	
Abstrak.....	v-vi	
Biodata Tokoh.....	vii-viii	
Pengenalan.....	ix-xi	
Transkrip		
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	1-9	
Bahagian 2: Pendidikan.....	9-18	
Bahagian 3: Kerjaya.....	18-24	
Rujukan.....	25-26	
Lampiran		
Log Wawancara.....	27-33	
Diari Kajian.....	34-36	
Senarai soalan.....	37-45	
Surat Perjanjian.....	46	
Gambar.....	47-50	
Indeks.....	51	

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak: *Transkrip ini mengandungi temubual bersama seorang Tokoh iaitu Mohamad Aman Khan Bin MD. Hussain iaitu bekas Presiden Guru-guru Kedah dan bekas Naib Ketua UMNO Kubang Pasu. Transkrip ini menyentuh serba sedikit tentang latar belakang beliau serta pengalaman hidup beliau sepanjang menjadi kerjaya sebagai guru dan juga ahli politik. Transkrip ini juga menceritakan tentang kerjaya beliau ketika menjadi Naib Ketua UMNO Kubang Pasu. Temuramah berdasarkan beberapa ciri iaitu soalan Orientasi, Spesifik dan General.*

Kata kunci: *Tokoh,pengalaman hidup dan kerjaya .*

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



Name : Mohamad Aman Khan bin MD. Hussain

Age :

Date of Birth :

Place of Birth : Napoh

State : Kedah

Education

Primary Education : Sekolah Kebangsaan Hosba, Napoh, Kedah Darul Aman

Secondary Education : Sekolah Menengah Jitra, Kedah Darul Aman

Higher Education : Kolej Sultan Abdul Hamid Alor Setar, Kedah Darul Aman

Maktab Perguruan Lembah Pantai Kuala Lumpur, Selangor

UiTM Perlis Kampus Arau (Diploma in business studies)

Short course at University of New South Wales Sydney Australia
(Certificate in Management)

PENGENALAN

PENGENALAN

Transkrip temubual ini adalah bersama Mohamad Aman Khan Bin MD. Hussain dimana beliau merupakan bekas Naib Presiden Guru-guru Kedah dan bekas Naib Ketua UMNO Kubang Pasu, telah berlangsung di kediaman beliau iaitu di Taman Bersatu Jitra, Kedah pada 31 May 2015 dari jam 3.00 petang sehingga 4.15 petang.

Mohamad Aman Khan Bin MD. Hussain lebih mesra di kenali oleh rakan-rakan beliau dengan nama Cikgu Aman dan dilahirkan di Napoh, Kedah . Beliau merupakan anak keenam [6] daripada lapan [8] orang adik-beradik, berstatuskan sudah berkahwin dan telah mempunyai lima [5] orang anak iaitu tiga [3] perempuan dan dua [2] lelaki hasil dari perkahwinan bersama isteri beliau iaitu .

Transkrip temubual ini dijalankan selama satu jam lima belas minit dan temubual ini lebih menjurus kepada pengalaman hidup dan kerjaya beliau sebagai guru dan dalam masa yang sama bergiat secara aktif dalam bidang politik. Walaupun beliau telah menjangkau usia lima puluh lapan [58] tahun, beliau masih aktif dalam kerjaya beliau sehingga ke hari ini.

Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Hosba, Napoh, Kedah dan kemudian memasuki Sekolah Menengah Jitra, Kedah dan kemudian beliau melanjutkan pelajaran di Maktab Perguruan Lembah Pantai Kuala Lumpur, Selangor dan juga menyambung pengajiannya selepas tamat maktab perguruan di UiTM [Universiti Teknologi Mara] cawangan Arau, Perlis dalam diploma Pengajian Perniagaan.

Sepanjang perkhidmatan beliau sebagai guru dan juga bergiat dalam bidang politik, beliau telah memegang pelbagai jawatan dalam persatuan sebagai contoh yang terbesar adalah

bekas presiden guru-guru Kedah dan di dalam bidang politik beliau menyandang jawatan bekas naib ketua UMNO [United Malays National Organization] Kubang Pasu, Kedah.

Sepanjang perkhidmatan beliau sebagai guru, beliau telah menerima pelbagai anugerah iaitu guru inovatif peringkat kebangsaan dimana pada masa itu beliau tercalun dan memenangi anugerah tersebut dan dalam bidang politik beliau Cuma menerima pingat penghargaan kecil-kecilan oleh Sultan Kedah.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Rakaman ini berkisah tentang pengalaman Mohamad Aman Khan Bin MD. Hussain di mana merupakan bekas Presiden Persatuan Guru-guru Kedah dan bekas Naib Ketua *UMNO* [United Malays National Organization] Kubang Pasu. Rakaman ini dijalankan di kediaman beliau iaitu di Taman Bersatu Jitra, Kedah pada 31 May 2015 dari jam 3.00 petang sehingga 4.15 petang. Temuramah ini dikendalikan oleh Mohamad Ainul Ariffin Bin Junit bersama dengan Mohamad Hashime Bin Othman. Berikut adalah hasil rakaman.

Petunjuk:

AK: Mohamad Aman Khan Bin MD. Hussain.
MAA: Mohamad Ainul Ariffin Bin Junit.
MH: Mohamad Hashime Bin Othman

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

MAA : Mula-mula izinkan kami untuk memperkenalkan diri dan tujuan kami ke mari. Nama saya Muhamad Ainul Ariffin bin Junit dan bersama saya ialah Mohamad Hashime bin Othman. Kami ialah pelajar *Universiti Teknologi Mara* [UiTM] dari bidang ijazah dalam pengurusan teknologi maklumat. Tujuan kami ke mari ialah untuk bertanya dan mengumpul maklumat tentang encik dan sekaligus memenuhi keperluan kursus kami iaitu pendokumentasian sejarah lisan.

AK : Baiklah.

MAA : Perbualan kita akan dirakam ya encik. Terdapat *tiga* [3] bahagian dalam sesi temuramah ini iaitu latar belakang, pendidikan dan kerjaya. Tanpa membuang masa kita ke bahagian latar belakang.

AK : Silakan.

MAA : Mula-mula saya ingin tanya nama penuh encik.

AK : Nama saya Aman Khan bin Mohamad Hussien.

MAA : Saya panggil encik la ya. Encik Aman. Dimana encik menetap sekarang?

AK : Saya menetap di Jitra, Kedah.

MAA : Adakah encik berasal dari Kedah?

AK : Iya, saya berasal daripada Kedah.

MAA : Apakah nama penuh ibu dan bapa encik?

AK : Nama bapa saya dan nama ibu saya

MAA : Adakah mereka masih hidup?

AK : Kedua-dua sudah meninggal dunia.

MAA : Mereka berasal daripada mana?

AK : Sebenarnya bapa saya berasal daripada Pakistan. Emak saya orang Kedah.

MAA : Adakah ibu encik seorang yang tegas?

AK : Ya boleh dikatakan seorang yang tegas. *Tapi* [tetapi] ibu saya memahami anak-anak beliau. Pada perkara yang penting atau benda yang mengenali masa depan beliau akan bersifat tegas.

MAA : Apakah pekerjaan ibu encik?

AK : Ibu saya seorang suri rumah.

MAA : Adakah encik punya bapa seorang yang tegas?

AK : Bapa saya seorang yang tegas. Beliau sangat menitik beratkan tentang disiplin. Jika adik beradik saya ada membuat kesalahan beliau akan menghukum kami untuk mengelakkan kami membuat lagi kesalahan yang sama itu. Tapi bila sudah bergelar bapa, barulah saya faham kenapa beliau bertindak sedemikian. Biasalah masa itu tidak boleh berfikiran matang lagi.

MAA : Apakah pekerjaan bapa encik?

AK : Bapa saya perniaga.

MAA : Bilakah encik menamatkan zaman bujang dan berkahwin?

AK : Saya berkahwin pada umur saya *dua puluh lima* [25] tahun. Alhamdulillah jodoh saya sudah sampai ketika itu dan saya pun tidak melengahkan perkara yang baik ini dan berkahwin.

MAA : Bilakah tarikh perkahwinan encik?

AK : *Enam belas sepuluh sembilan belas lapan puluh dua* [16.10.1982].

MAA : Apakah nama penuh isteri encik?

AK : Nama isteri saya

MAA : Apakah perkerjaan isteri encik?

AK : Isteri saya seorang suri rumah.

MAA : Bagaimana encik mengenali isteri?

AK : Saya mengenali melalui kawan-kawan.

MAA : Sekarang encik ada berapa orang anak?

AK : Saya mempunyai *lima* [5] orang anak.

MAA : Anak encik lelaki ataupun perempuan?

AK : *Tiga* [3] orang perempuan dan *dua* [2] orang lelaki.

MAA : Adakah anak-anak encik sudah bekerja sekarang atau melanjutkan pelajaran?

AK : *Empat* [4] orang bekerja dan seorang belajar.

MAA : Apakah pekerjaan anak-anak encik?

AK : Anak saya ada yang berkerja di *MTDC* [Malaysian Technology Development Corporation], ada yang berkerja dengan Pusat Internet 1 Malaysia, seorang lagi

berkerja dengan NASCO IT dan seorang lagi berkerja sendiri.

MAA : Dimana anak encik yang masih melanjutkan pelajaran?

AK : Di Sekolah Menengah Paya Kebunting dalam tingkatan *empat* [4].

MAA : Adakah encik mempunyai cucu?

AK : Ada. Seorang cucu.

MAA : Encik mempunyai berapa orang adik beradik?

AK : *Lapan* [8] orang adik beradik.

MAA : Encik anak yang ke berapa?

AK : Saya anak yang ke *enam* [6].

**MAA : Apakah panggilan mesra encik yang dipanggil oleh anak-anak di rumah
dan juga kawan-kawan di tempat kerja?**

AK : Kawan-kawan panggil saya Aman. Ada yang panggil cikgu Aman dan anak-anak panggil saya dada.

MAA : Apakah hobi dari dahulu hingga sekarang yang masih dilakukan?

AK : Hobi ini sebenarnya berubah-ubahlah. Tapi salah satu hobi yang kekal adalah mengikuti perkembangan politik.

MAA : Apakah prinsip hidup encik?

AK : Rajin dan kuat berkerja. Pada saya prinsip ini penting untuk kita Berjaya pada masa akan datang.

MAA : Bilakah encik bercadang untuk bersara?

AK : Saya sebenarnya sudah dari pekerjaan guru pada *tujuh* [7] tahun yang lalu. Tapi sekarang, saya berkerja dengan timbalan menteri. Sekarang umur saya *lima puluh lapan* [58], tapi saya rasa insya-Allah selagi ada kemampuan untuk berkerja sama ada berkerja dengan timbalan menteri atau berkerja sendiri saya akan terus berkerja.

MAA : Pada umur berapakah encik meminati dan ingin mengenali dengan lebih meluas mengenai politik di Malaysia?

AK : Saya pada umur lebih kurang dalam *lapan belas* [18] hingga *sembilan belas* [19] saya dah banyak mengambil tawulah tentang perkembangan politik, sejarah politik Malaysia, sejarah politik melayu.

MAA : Pada tahun berapa encik menceburi bidang politik?

AK : Kalau tidak silap saya, lebih kurang pada tahun *sembilan belas lapan puluh satu* [1981].

MAA : Apakah niat encik apabila telah menceburi bidang politik.

AK : Niat saya yang utama ialah untuk kestabilan politik Negara kita dan juga memastikan penguasaan politik orang melayu dalam politik Negara Malaysia.

MAA : Jumlah kelab atau organisasi ketika encik menceburい bidang politik?

AK : Saya terlibat dalam politik ni cuma politik *UMNO* [United Malays National Organization]. Tapi dalam organisasi lain dalam banyak jugalah. Dulu saya menjadi president dalam persatuan guru-guru Kedah, saya jadi pengurus Majlis Guru Besar negeri Kedah dan juga exco Majlis Guru Besar Malaysia. Kemudian, saya juga terlibat dalam pertubuhan kebajikan yang lainlah dan sekarang saya menjadi pengurus Lembaga Pelawat Taman Sinar Harapan iaitu rumah kanak-kanak cacat dibawah Kementerian Kebajikan Masyarakat. Cuma dalam politik ini cuma *UMNO* [United Malays National Organization] sahaja. Dan jawatan tertinggi ialah sebagai Naib Ketua *UMNO* [United Malays National Organization] bahagian Kupang Pasu.

MAA : Bilakah encik mula bergiat aktif bidang politik ini?

AK Pada tahun *Sembilan belas lapan puluh satu* [1981] itu saya dah terlibat, tapi saya pegang jawatan naib ketua bahagian ini sehingga tahun *dua ribu lapan* [2008] sebab pada tahun itu, saya telah berkerja dengan sebagai pegawai khas kepada Dato Muhamad Khalib bekas Menteri Besar Kedah. Jadi selepas saya berkerja dengan dia, saya tidak lagi berpolitik.

TAMAT BAHAGIAN 1

BAHAGIAN 2: PENDIDIKAN TOKOH

MAA : Baiklah, sekarang kita beralih kepada bahagian pendidikan.

AK : Baiklah.

MAA : Pada tahun berapakah encik memulakan zaman persekolahan?

AK : Saya mula bersekolah pada tahun *sembilan belas enam puluh empat* [1964] darjah satu, kemudian pada tahun *sembilan belas tujuh puluh* [1970] di sekolah menengah, kemudian tahun *tujuh puluh tujuh* [77] sehingga *tujuh puluh lapan* [78] saya kursus perguruan di maktab perguruan di Lembah Pantai di Kuala Lumpur. Kemudian masa saya dah kerja mulai tahun *lapan puluh* [80] itu, saya sambung belajar di *UiTM* [Universiti teknologi mara] dalam pengurusan perniagaan. Kemudian saya juga mengikuti *satu* [1] *short* [pendek] kursus pengurusan di *University of New Wares* [UNW] di Sydney pada tahun *sembilan puluh lima* [95].

MAA : Dimana sekolah rendah pertama encik?

AK : Sekolah pertama saya ialah di Sekolah kebangsaan Husbah di Kubang Pasu Kedah.

MAA : Pada tahun berapakah encik memulakan sekolah menengah dan sekolah itu mana?

AK : Sekolah menengah saya pada tahun *tujuh puluh* [70] di Sekolah Menengah Jitra. Kemudian, dan tingkatan *enam* [6] di Kolej Sultan Abdul Hamid di Alor Setar.

MAA : **Pencapaian semasa sekolah rendah, maksud saya ada mewakili di sekolah ke?**

AK : Adalah sikit-sikitlah. Dalam sukan-sukan sikit.

MAA : **Pencapaian di sekolah menengah?**

AK : Mewakili dalam pertandingan bahas.

MAA : **Kenangan manis semasa di sekolah rendah dulu ke sekolah**

AK : Kenangan manis? Saya tidak tahulah ini kenangan manis atau buruk. Tapi kenangan ini saya ingat sampai sekarang. Kejadian ini berlaku semasa saya di sekolah menengah. Sekolah menengah biasalah kena rotan dengan guru. Tapi bukan kerana kenakalan kita tapi kerana sebab-sebab yang tertentu. Masa itu ialah zaman permulaan dasar ekonomi baru, ada guru cina yang suka menyindir pelajar-pelajar melayulah bahawa pelajar-pelajar melayu orang melayu ni ialah bangsa yang lemah, bangsa yang sukar menerima kerajaan. Dalam kelas dahulu ada campur budak melayu budak india budak cina, jadi sindiran-sindiran dari guru tertentu ini sering memalukan kita pelajar melayu. Jadi ada suatu hari, saya membantah tindakan guru tu, dan kejadian itu berlaku dalam kelas *IA* [Industrian Arts] dan dalam banyak dalam kelas itu banyak bahan-bahan dan alat-alat pertukangan. Jadi apabila dia marah dengan teguran saya, dia mengambil *hammer* [tukul] dan melontar kepada saya. Jadi saya mengelak, dan berlakulah pergelutan dan beberapa orang kawan membantu saya. Akhir sekali, guru yang berkenaan itu adalah *guru assistant* [penolong kanan] dan setelah dia

melaporkan kepada pengetua, pengetua itu pun cina juga. Tetapi, hasil daripada rayuan guru kelas saya, seorang cina juga, dia merayu pada pengetua mengatakan saya pelajar yang baik, dan dia yakin bahawa ada sesuatu yang tidak kena dengan guru yang berkenaan. Jadi pengetua telah menukar fikiran daripada *public* [awam] kepada merotan dalam pejabat pengetua. Dan akhirnya, beberapa bulan kemudian, setelah UMNO Kubang Pasu masa itu membuat *complain* [aduan] kepada pejabat pelajaran dan guru yang berkenaan telah diturunkan pangkat dan ditukarkan ke daerah Kota Setar daripada Sekolah Menengah Jitra. Itu satu kenangan yang saya tidak akan dapat lupakanlah.

MAA : Nama guru di sekolah menengah yang banyak membantu encik jika masih ingat?

AK : Guru kelas saya yang saya sebutkan tadi tu nama dia Misses Goh Gin Kuey. Sampai sekarang pun saya dah masih ada perhubungan dengan dia. Dia dah bersara, dia tinggal dia Pulau Pinang. Misses Goh Gin Kuey. Sebab guru yang berkenaan, dia jadi guru kelas saya semasa tingkatan *tiga* [3] [tapi kemudiannya apabila saya masuk ke Kolej Sultan Abdul Hamid di tingkatan enam [6] ditukar ke situ dan dia mengajar, menjadi guru kelas dan mengajar ekonomi.

MAA : Sebelum ini dia mengajar di SMK Jitra?

AK : Masa “Form 3” dia guru kelas. Bila saya kena *public punishment* [hukuman awam], dia jumpa pengetua merayu dan menangis.

MAA : Apakah cita-cita encik pada zaman sekolah dahulu?

AK : *Takdelah* [tiada] cita-cita khursus sebab zaman itu kita tidak banyak pendedahan kepada maklumat dan sebagainya. Cuma belajar sehabis baik dan cuba kalau pat sambung pelajaran ke peringkat lebih jauh lagi. Tapi, semasa itu kebetulan ada tawaran menjadi guru, saya memohon. Alhamdulillah, saya dapat. Jadi, tidak ada cita-cita khursus semasa tu.

MAA : Apakah subjek yang diminati dan tidak diminati ketika itu?

AK : Saya meminati Sejarah dan sangat tidak meminati Fizik.

MAA : Adakah mata pelajaran pada ketika itu lebih susah atau senang berbanding dengan sekarang?

AK : Mata pelajaran itu sebenarnya sama tapi masa itu tidak banyak buku rujukan. Contohnya selepas tingkatan *tiga* [3], saya masuk ke *Form four* [tingkatan 4], saya ditawarkan masuk aliran sains, buku-buku rujukan tidak ada. Guru kelas tambah tidak ada. Jadi, cuma mengharapkan kita belajar di kelas dengan bimbingan guru sahajalah. Dan masa tu kebanyakkannya kalau subjek sains ni hampir tidak ada guru melayu. Semua guru-guru subjek sains, sains dan matematik ni adalah guru cina, dan ada seorang guru kaum india. Dan guru melayu ni cuma mengajar bahasa melayu dan agama.

MAA : Kebanyakannya kaum cina?

AK : Cina. Dulu *takda* [tidak ada] guru-guru daripada sini. Banyak daripada Pulau Pinang. Matematik india. Mata pelajaran sains semua cina.

MAA : Siapakah kawan yang paling akrab dengan encik ketika zaman sekolah?

AK : Yela. Kawan-kawan *tu* [itu] ramailah juga. *Tapi* [tetapi] yang akrab *ni* [ini] saya boleh sebut seorang dan nama dia Ahmad Fitri bin Othman. Beliau seorang yang sangat mengambil berat dengan saya dan banyaklah perkara yang saya perlu rujukan dan bimbingan daripada beliau.

MAA : Sampai sekarang ni masih contact [berhubung]?

AK : Sampai sekarang masih berhubung.

MAA : Selepas tamat persekolahan adakah Encik pernah menyambung pengajian dimana-mana?

AK : Yalah, selepas tamat sekolah saya sambung belajar di Institut Teknologi Mara (ITM) untuk buat Pengurusan Perniagaan, kemudian saya sebut tadi ada *short course* [pengajian pendek] yang dihantar oleh Kementerian Pelajaran ke University of New Wares, Sydney, Australia.

MAA : Result [Keputusan] peperiksaan Encik sewaktu zaman persekolahan dahulu?

AK : Sekolah menengah saya *MCE* [Malaysian Certificate of education] dulu saya dapat gred *dua* [2].

MAA : Apakah cara-cara atau motivasi yang membuatkan Encik berjaya seperti sekarang?

AK : Yalah, kejayaan *ni* [ini] sebenarnya relatif, ada orang ada *PHD* [Doctor of Philodophy] baru dia *consider* [anggap] berjaya, ada orang ada harta banyak dia

berjaya harta banyak dia berjaya, tapi saya punya prinsip adalah keseimbangan iaitu mencari rezeki yang halal dan jugak terlibat dalam membantu masyarakat, kegiatan masyarakat, tidak semestinya kejayaan *tu* [itu] kepada kita sendiri dan saya punya perinsip mesti seimbang, mesti kita belajar kita berjaya. Berjaya itu jugak *relative* [relatif] lah pastu [selepas itu] disamping *tu* [itu] kita mesti terlibat dalam kegiatan masyarakat membantu masyarakat dan memajukan masyarakat sebab kalau kita tidak dapat sampai paling tinggi mungkin kita dapat bantu orang lain untuk menjadi lebih baik daripada kita.

MAA : Selepas habis belajar adakah Encik terus begiat dalam bidang politik?

AK : Masa saya mula bekerja pada tahun *Sembilan belas lapan puluh* [1980] dan saya mula bekerja pada tahun *Sembilan belas lapan puluh satu* [1981] saya mula terlibat dalam kegiatan politik di peringkat kampung, lepas tu sampai ke peringkat tempatan dipanggil bahagian kalau dalam heirarki *UMNO* [United Malays National Organization].

MAA : Adakah Encik sudah terlibat dalam bidang politik ketika masih belajar?

AK : Tidak, semasa belajar saya terlibat dalam persatuan-persatuan bola, ada jadi pengurus, ada yang jadi setiausaha. Masa di maktab perguruan saya menjadi exco majlis perwakilan pelajar.

MAA : Apakah kerja pertama Encik ketika tamat pengajian?

AK : Saya menjadi guru di sekolah rendah selepas tamat maktab perguruan.

MAA : Gaji pertama Encik semasa bekerja dahulu?

AK : Lebih kurangla saya tak ingat *exactly* [tepat] lebih kurang dalam *tiga ratus* [300] macam *tu* [itu] lah.

MAA : Kebiasaan dahulu Encik menaiki kenderaan apakah untuk pergi bekerja?

AK : Mula-mula bekerja dahulu saya menaiki motosikal, kemudian barulah saya menaiki kereta untuk ke tempat kerja.

MAA : Kenderaan untuk pergi ke tempat kerja sekarang? Adakah dengan menaiki kereta?

AK : Sekarang saya bekerja di Putrajaya, jadi saya pada hari kerja isnin hingga jumaat saya berada di *KL* [Kuala Lumpur] tapi *weekend* [hujung minggu] saya balik ke Kedah jadi disana saya menggunakan kereta jugaklah.

MAA : Sepanjang karier sebagai ahli politik, adakah Encik pernah menerima anugerah?

AK : DI dalam politik dia tidak ada apa-apa anugerah, dalam politik *ni* [ini] dia tidak ada anugerah *tapi* [tetapi] dia pegang sesuatu jawatan. Cuma jawatan yang kita tandingi dan sekiranya kita menang kita akan peganglah jawatan itu untuk satu tempoh tertentu atau penggal tertentu.

MAA : Apakah sumbangan yang telah dilakukan oleh Encik sepanjang kerjaya

sebagai ahli politik?

AK : Di dalam politik *ni* [ini] adalah apabila kita diberi amanah yang kita menang jawatan yang kita tandingi, *so* [jadi] kita bekerja untuk satu untuk mengukuhkan parti, untuk perpaduan parti dan perpaduan diperingkat bahagian ini akan dicampur dengan perpaduan peringkat bahagian lain dan akhirnya apabila pilihan raya, parti yang terlibat itu menang dan menang dalam pilihan raya dan banyak kerusi yang dimenangi, maka akan dapat menu buhkan kerajaan lah. Cuma dalam bidang perguruan tu saya ada beberapa anugerahlah saya dapat selain daripada jawatan yang saya pegang dalam persatuan saya pernah menerima anugerah menjadi guru inovatif di peringkat kebangsaan apabila kategori itu dipertandingkan. Saya ingat dalam tahun *Sembilan puluh empat* [94] kot, saya dipilih sebagai guru inovatif di peringkat kebangsaan iaitu memilih seorang sahaja tahun *sembilan puluh empat* [94].

MAA : Dia daerah atau setiap sekolah pilih seorang?

AK : Ya, satu Malaysia seorang diperingkat kebangsaan yang terpilih untuk menerima anugerah tersebut.

MAA : Di manakah Encik memulakan kerjaya sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri?

AK : Untuk pengetuan awak saya *tak* [tidak] pernah menjadi ahli dewan undangan negeri, saya cuma pegang jawatan dalam parti *ja* [sahaja]. Tetapi, sebenarnya saya biasa terpilih pada tahun *dua ribu lapan* [2008], dipilih untuk jadi wakil rakyat dah dapat watikah, saya pun dah berhenti kerja. *Tapi* [tetapi] pada malam terakhir sebelum pernamaan calun, Perdana Menteri dia mintak untuk tukar

calun. Ini satu benda yang jarang berlakulah tapi saya memilih untuk menyerahkan watikah itu baliklah.

AA : Dimanakah kejadian itu berlaku?

AK : Di *ni* [ini] dewan undangan negeri Jitra di Kedah.

MAA : Apakah yang membuatkan Encik ingin membantu rakyat-rakyat?

AK : Yalah, *dulu* [dahulu] zaman kita orang melayu ni susah, ketinggalan dalam semua bidanglah, dalam bidang pelajaran dalam bidang sosial dalam ekonomi. Selepas itu dikampung-kampung dari segi kemudahan infrastruktur *tu* [itu] sedikit, melalui politik *tu* [itu] kita dapat menyampaikan pandangan-pandangan untuk menambah baik, peluang khususnya untuk orang melayu dan umumnya untuk Negara kita khususnya di kawasan kita di kubang pasu ini.

TAMAT BAHAGIAN 2

BAHAGIAN 3: KERJAYA

MH : Sekarang *ni* [ini] kita pergi kepada soalan bahagian kerjaya.

AK : Baiklah.

MH : Bagaimana perasaan Encik apabila memulakan kerjaya sebagai ahli politik?

AK : Sebenarnya politik ini macam saya sebut tadilah, dia bukanlah satu kerjaya tetapi dia adalah satu minat dan kita menawarkan diri untuk berkhidmat sebab dalam politik *ni [ini]* *you [awak]* nak pegang jawatan *you [awak]* kena *offer* [menawarkan] diri dan bertanding *lepas tu* [selepas itu], ahli ikutlah kalau di peringkat cawangan ahli cawangan itu yang memilih kita kemudian kalau diperingkat bahagian [bunyi pen terjatuh] semua cawangan-cawangan di bahagian kubang pasu kita ada sekarang kita lebih kurang *seratus lima puluh* [150] cawangan jadi wakil-wakil daripada semua *seratus lima puluh* [150] cawangan itu akan memilih dan *sapa* [siapa] yang menang dialah yang akan memegang jawatan untuk satu tempoh.

MH : **Mengapakah Encik lebih meminati politik berbanding kerjaya sebelum ini?**

AK : Politik *ni [ini]* adalah sambilan, jadi kita ada kerjaya kita masa itu saya sebagai guru jadi masa-masa lapang kita terlibatlah dalam kegiatan politik, kegiatan masyarakat. Dia bukanlah satu kerjaya secara khusus.

MH : **Kira Encik jadi cikgu tetapi dalam masa yang sama terlibat dalam bidang politik?**

AK : Ya, terlibat dalam bidang politik, begitulah semua orang lain ada yang bekerja sebagai nelayan, ada bekerja sebagai petani, ada bekerja swasta, sebabnya politik bukan ada gaji, *you [awak]* kena cari duit lagi untuk *nak* [hendak] belanja bergerak, minyak kereta, makan minum untuk terlibat dalam politik *ni [ini]*.

MH : **Kalau terlibat dalam politik *ni [ini]* boleh dikatakan sebagai sampingan sahajalah?**

AK : Ya, sampingan, dia bukan satu pekerjaan tetap kecuali bila *you* [awak] dah jadi wakil rakyat, itu barulah *full time* [sepenuh masa].

MH : **Yang tu boleh dikategorikan sebagai kerjaya ya kalau dah menjadi wakil rakyat?**

AK : Boleh-boleh kalau dah jadi wakil rakyat.

MH : **Adakah keluarga Encik menyokong sepenuhnya kerjaya Encik sebagai ahli politik?**

AK : Keluarga saya tidak ada masalah, malah mereka menyokong sepenuhnya setiap tindakan saya iaitu menjadi ahli politik disamping bekerja sebagai guru.

MH : **Adakah cara hidup Encik berubah apabila menceburi bidang politik?**

AK : Tidak, dia sama sahaja sebab dalam politik *ni* [ini], *satu* [1] *you* [awak] nak kena mengatur masa la untuk keluarga, untuk pekerjaan tetap kita dan untuk politik serta politik *ni* [ini] dia lebih kepada kemasyarakatanlah bermakna *you* [awak] hadir majlis-majlis, *you* [awak] rajin ziarah orang sakit, kena pandai atur masa lah antara pekerjaan tetap kita keluarga dan kegiatan politik.

MH : **Apakah jawatan Encik ketika menjadi ahli politik?**

AK : Jawatan yang terakhir saya dalam politik adalah naib ketua *UMNO* [United Malays National Organization] bahagian kubang pasu. Dalam bahagian *ni* [ini] dia ada ketua bahagian, timbalan ketua bahagian, naib ketua bahagian, *lepas tu* [selepas itu] dia ada ketua jawatan kuasa dan jawatan kuasa ramailah, jawatan kuasa pada ketika *tu* [itu] dalam *dua puluh* [20] ada ketika macam sekarang *tiga puluh* [30] orang lebih, ketua sorang, timbalan sorang, naib

sorang.

MH : Bagaimana Encik menghadapi setiap tingkah laku rakyat dan orang bawahan Encik?

AK : DI dalam politik *ni* [ini], orang bawahan *ni* [ini] kena hormat mereka sebab dia jugak menyokong kita. dia bukan macam organisasi jabatan misalnya masa saya *jadi* [menjadi] guru besar, kita boleh mengarahkan kakitangan kita guru kita buat itu buat ini tapi dalam politik, *you* [awak] kena cara pendekatan *ni* [ini] mesti lain, kita *tak* [tidak] boleh marah, *you* [awak] kena mintak tolong. *Lepas tu* [selepas itu] kena ada hubungan baiklah dalam politik, dia tak boleh dalam politik *ni* [ini] kita nak *consider* [anggap] orang bawahan *ni* [ini] sangat *tak* [tidak] betulah, kita *tak* [tidak] boleh sesuka hati menyuruh orang bawahan kita melakukan tugas di luar bidang mereka, kita kena menganggap mereka macam rakan-rakan sebab saya sebagai naib ketua bahagian yang jawatan kuasa *tu* [itu] walaupun dia menang *tapi* [tetapi], masa saya bertanding mungkin dia menyokong saya *tapi* [tetapi] ada jugak orang yang *tak* [tidak] menyokong kita, so *[jadi]*, kita mesti sangat berhati-hatilah perhubungan dalam politik *ni* [ini].

MH : Apakah tugas terbesar apabila telah menjadi ahli politik?

AK : Pertama sekali *nak* [hendak] pastikan parti kita menang dalam pilihan raya, itu yang besar. Yang keduanya kita nak pastikan kita menang dalam masa pemilihan-pemilihan parti. Adalah beberapa tapi *tak* [tidak] elok saya sebutlah yang terbesar *tu* [itu] ingat *tak* [tidak] elok kalau disebut, sebut *tu* [itu] pilihan raya sudahlah, pastikan sebab pada ketika saya terlibat *tu* [itu], sepanjang saya terlibat itu sebahagian besarnya ketua bahagian kita adalah Dr. Mahathir yang jugak *jadi* [menjadi] ahli parlimen kubang pasu. Jadi kita *nak* [hendak] pastikan

dia menang sebab dia adalah ketua parti *UMNO* [United Malays National Organization] sekiranya dia menang dia akan jadi Perdana Menteri lah, so [jadi] nak memastikan setiap kali pilihan raya dia mesti menang dengan selesa sebab ketua bahagian Kubang Pasu adalah jugak presiden *UMNO* [United Malays National Organization], jadi kalau parti *UMNO* [United Malays National Organization] menang presiden akan jadi pilihan raya kerana presiden bertanding di Kubang Pasu so [jadi], kita di Kubang Pasu nak pastikan dia menang.

MH : Apakah tanggungjawab yang dipikul oleh Encik ketika menjadi ahli politik?

AK : Masa awal saya *jadi* [menjadi] jawatan kuasa bahagian masa *tu* [itu] akan diberilah tugas-tugas khusus misalnya kita *jadi* [menjadi]--- contoh ada pernah saya jadi ketua/pengerusi daftar pemilik, itu nak pastikan kita punya cawangan-cawangan kita mendaftar orang-orang yang cukup umur *dua puluh satu* [21] untuk mendaftar. Itu satu, *lepas tu* [selepas itu] biasanya masa hampir kepada tahun ada persidangan *UMNO* [United Malays National Organization], masa saya memegang jawatan itu hampir setiap tahun saya akan *jadi* [menjadi] pengerusi, jawatan kuasa usul iaitu kita akan menapis unsur-unsur daripada seratus *lima puluh* [150] cawangan sebab cawangan bermesyuarat, mereka akan ada usul, jadi kita akan tapis usul, kita akan memilih usul-usul daripada cawangan-cawangan itu untuk dijadikan usul bahagian dan usul-usul lain yang disokong ataupun ditolak jadi kita akan dibukukan dan ambik tindakanlah. Satu jawatan kuasa yang besar menapis, melihat semua usul-usul daripada cawangan-cawangan, jadi itu jugak yang saya terlibat. *Lepas tu* [selepas itu], kita jugak terlibat dalam wakil bahagian dalam memilih kepimpinan parti di

peringkat pusat, jadi tiap-tiap bahagian di seluruh Negara kita ada seratus Sembilan puluh satu [191] bahagian UMNO [United Malays National Organization], bahagian-bahagiannya kita diwakil dari presiden parti, timbalan presiden dan ahli majlis tertinggi. Itu jugak kita kena buat penilaianlah untuk memilih sebab banyak orang akan mencalunkan diri untuk bertanding.

MH : Adakah Encik pernah dirasuh oleh mana-mana pihak?

AK : Dia dalam politik ini satu, macam saya sebut tadilah kita akan habis duit untuk terlibat dalam kita punya pergerakan yang ahli-ahli cawangan disekitar, kita hadir kepada majlis-majlis, dia *tak* [tidak] macam *you* [awak] bekerja dengan kerajaan atau swasta, pergerakan *you* [awak] dibayar, dia ada elau, tapi dalam politik ini *you* [awak] kena belanja dengan duit *you* [awak] sendiri. Soal rasuh *ni* [ini], orang banyak bercakap tapi kita yang biasa terlibat dalam politik *ni* [ini] kita *tak* [tidak] mempunyai pengalaman melalui proses *tu* [itu]. Cuma kadang-kadang apabila ada kawan-kawan mintak tolong bekerja untuk dia, dia bagilah sedikit saguhati. Jadi mungkin seperti itulah ada orang tafsir itu sebagai--- rasuh, *tapi* [tetapi] kalau *you* [awak] disuruh mintak tolong apa-apa misalnya ada calun bertanding, dia mintak tolong saya buat kerja untuk dia, kempen untuk dia di kawasan di Kedah, dia bayarlah saya sikit perkhidmatan untuk saya. Sebagai contoh, kadang-kadang kita *nak* [hendak] pergi kulim ka Sungai Petani ka dia bagilah sedikit habuan kata okey dua, tiga ratus pusinglah. Pada kita, mungkin itu kita rasa dia bagi kita sedikit elau lah untuk tolong kerja untuk dia. Tapi ada orang menganggap kata itu rasuh jadi masing-masing punya anggapanlah.

MH : Adakah Encik pernah di ancam oleh mana-mana pihak yang tidak

bertanggungjawab?

AK : Tidak ada.

MH : Apakah bentuk pingat atau penghargaan yang pernah diterima?

AK : Dalam politik tidak ada penghargaan, so [jadi] saya kata perhidmatan sebagai guru banyak jugaklah sebagai contoh anugerah inovatif peringkat kebangsaan, peringkat negeri, peringkat daerah, *tapi* [tetapi] penganugerahan Sultan Kedah ada saya dapat yang kecik-kecik punya sebagai ahli politik.

MH : Siapakah tokoh politik kegemaran Encik?

AK : Yalah, Perdana Menteri/Bekas Perdana Menteri kita Tun Dr. Mahathir seorang yang hebat, seorang negarawan, tapi saya jugak melihat Dato' Najib Perdana Menteri kita sekarang *ni* [ini] seorang tokoh yang tidak juga kurang hebat kerana beberapa pendekatan baru yang dibawaknya yang sesuai dengan peredaran zaman. Tapi saya jugak menghargailah beberapa peranan beberapa orang wakil rakyat yang terdahulu yang disana di Selangor sekitar tahun *tujuh puluh* [70]-an seorang yang bernama Tengku Jaabar atau dikenali sebagai Cikgu Jaabar seorang wakil rakyat yang hebat di Selangor yang kuat bekerja yang boleh di kira first class lah sekitar *tahun tujuh puluh* [70]-an wakil rakyat di Selangor bernama Cikgu Jaabar.

MH : Mengapakah Encik meminati beliau?

AK : Dia ni seorang yang saya tidak mengenali beliau daripada dekat *tapi* [tetapi] saya melihat, dia menjadi wakil rakyat perikatan, lepas itu barisan National, apabila dia tidak dipilih dia bertanding bebas, dia masih menang lagi, jadi dia orang yang seorang yang disukai oleh rakyat dibawah kawasan beliau.

MH : Adakah Encik pernah berjumpa dengan Beliau?

AK : Tidak pernah.

MH : Soalan terakhir, adakah Encik menerima mana-mana bantuan kewangan atau nasihat dalam politik?

AK : Bantuan kewangan tidak ada, cuma nasihat politik *ni* [ini] kita dapat apabila kita bergaul, kita berjumpa dengan kawan-kawan daripada tempat lain, kita berkongsi pengalaman ataupun berkongsi apa *saja* [sahaja] yang kita boleh *share* [kongsi] la pendekatan-pendekatan baru yang dibuat, jadi ataupun melalui pembacaan-pembacaan, artikel-artikel, buku sedikit sebanyak membantu dan kita juga boleh menyesuaikan diri dengan kehendak setempat.

TAMAT BAHAGIAN 3

Terima kasih diucapkan kepada Encik Mohamad Aman Khan kerana sudi meluangkan masa bersama kami. Maka berakhirlah sesi temuramah bersama beliau pada hari ini. Segala kerjasama dari pihak beliau amat kami hargai.

RUJUKAN

RUJUKAN

MD. Hussain, A. (2015, March 30). The Introduction of Interviewee through Phone [Telephone interview].

MD. Hussain, A. (2015, May 31). Interview at Taman Bersatu, Jitra Kedah. [interview]

LAMPIRAN

LAMPIRAN 1: LOG WAWANCARA.

LOG WAWANCARA

Mohamad Aman Khan Bin MD. Hussain lebih mesra di kenali oleh rakan-rakan beliau dengan nama Cikgu Aman dan dilahirkan di Napoh, Kedah pada 18 ogos 1957. Beliau merupakan anak keenam [6] daripada lapan [8] orang adik-beradik, berstatuskan sudah berkahwin dan telah mempunyai lima [5] orang anak iaitu tiga [3] perempuan dan dua [2] lelaki hasil dari perkahwinan bersama isteri beliau iaitu Latifah Binti Abdul.

BAHAGIAN 1 : LATAR BELAKANG

NO	MASA	SUBJEK	NAMA / TEMPAT / RUJUKAN
1.	3:00 p.m.		
2.	3:05 p.m.	Ayah beliau seorang peniaga dan berasal dari Pakistan. Ibu beliau seorang suri rumah berasal dari Kedah.	Jitra, Kedah

3.	3:08 p.m.		
4.	3:10 p.m.	Empat orang daripada anak beliau sudah berkerja dan seorang lagi masih belajar.	Mohamad Aman Khan Bin Md. Hussain
5.	3.12 p.m.	Beliau mempunyai lapan orang adik-beradik. Beliau merupakan anak yang ke-enam daripadanya.	Mohamad Aman Khan Bin Md. Hussain.
6.	3:14 p.m.	Salah satu hobi beliau yang kekal adalah mengikuti perkembangan politik. Prinsip hidup beliau ialah rajin dan kuat berkerja.	Mohamad Aman Khan Bin Md. Hussain.
7.	3:16 p.m.	Beliau bersara pada umur lima puluh satu dan sekarang berkerja dengan timbalan menteri kementerian tenaga teknologi hijau dan air.	Mohamad Aman Khan Bin Md. Hussain.

8.	3:18 p.m.	Pada umur lapan belas tahun beliau mula mengambil tahu tentang perkembangan politik di Malaysia	Mohamad Aman Khan Bin Md. Hussain.
9.	3:20 p.m.	Pada tahun seribu sembilan ratus lapan puluh satu, beliau menceburi bidang politik atas tujuan kestabilikan politik negara dan penguasaan politik orang melayu.	Mohamad Aman Khan Bin Md. Hussain.

BAHAGIAN 2 : PENDIDIKAN

NO	MASA	SUBJEK	NAMA / TEMPAT / RUJUKAN
10.	3:20 p.m.	Beliau mula bersekolah pada tahun sembilan belas enam puluh empat [1964] darjah satu, kemudian pada tahun sembilan belas tujuh puluh [1970] di sekolah menengah,	Mohamad Aman Khan bin MD. Hussain

11.	3:23 p.m.	Beliau mengikuti kursus perguruan di mакtab perguruan di Lembah Pantai di Kuala Lumpur.	Kuala Lumpur, Selangor. Mohamad Aman Khan bin MD. Hussain
12.	3:25 p.m.	Melanjutkan pelajaran di. <i>University of New Wares.</i>	University Of Sydney, Australia 1995. Mohamad Aman Khan bin MD. Hussain
13.	3:28 p.m.	Sekolah pertama beliau ialah di Sekolah kebangsaan Husbah di Kubang Pasu Kedah. Sekolah menengah beliau di Sekolah Menengah Jitra. Kemudian, dan tingkatan <i>enam</i> di Kolej Sultan Abdul Hamid di Alor Setar.	Sekolah Kebangsaan Hosba, Kedah Sekolah Menengah Kebangsaan Jitra, Kedah Kolej Sultan Abdul Hamid Alor Setar, Kedah
14.	3:32 p.m.	Beliau meminati Sejarah dan sangat tidak meminati Fizik.	Mohamad Aman Khan bin MD. Hussain

15.	3:35 p.m.	<p>Sekolah menengah <i>MCE</i> [Malaysian Certificate of education] dulu beliau mendapat gred <i>dua</i> [2].</p>	<p>Sekolah Menengah Kebangsaan Jitra, Kedah</p>
16.	3:45 p.m.	<p>Beliau mula bekerja pada tahun <i>Sembilan belas lapan puluh</i> [1980] dan pada tahun <i>Sembilan belas</i> <i>lapan puluh satu</i> [1981] beliau mula terlibat dalam kegiatan politik di peringkat kampung, lepas tu sampai ke peringkat tempatan dipanggil bahagian kalau dalam heirarki <i>UMNO</i></p>	<p>Mohamad Aman Khan bin MD. Hussain</p>

BAHAGIAN 3 : KERJAYA

NO	MASA	SUBJEK	NAMA / TEMPAT / RUJUKAN
17.	3:48 p.m.	Beliau terlibat dalam politik sementara perkerjaan beliau semasa itu adalah guru.	Mohamad Aman Khan bin MD. Hussain
18.	3:52 p.m.	Jawatan terakhir beliau ialah naib ketua UMNO bahagian Kubang Pasu, Kedah	UMNO Kubang Pasu, Kedah Mohamad Aman Khan bin MD. Hussain
19.	4:10 p.m.	Tanggungjawap beliau ketua/pengerusi daftar pemilik ialah memastikan pendaftar cukup umur, menapis dan melihat semula usul-usul daripada setiap cawangan dan memastikan ketua UMNO menang dalam bahagian Kubang Pasu.	Mohamad Aman Khan bin MD. Hussain
20.	4:15 p.m.	Beliau pernah diberi anugerah inovatif peringkat kebangsaan, peringkat negeri, peringkat daerah dan penganugerahan Sultan Kedah secara kecil-kecilan sebagai ahli politik	Mohamad Aman Khan bin MD. Hussain

LAMPIRAN 2: DIARI KAJIAN.

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
10.00 pg	18/03/2015	<ul style="list-style-type: none"> • Tugasan menemuramah tokoh • Menerima tugasan untuk menemuramah seorang tokoh yang mempunyai banyak pengalaman dalam bidang yang diceburi 	<ul style="list-style-type: none"> • Mula mencari tokoh untuk ditemuramah
3.00 ptg	25/03/2015	<ul style="list-style-type: none"> • Perbincangan bersama ahli kumpulan • Berbincang mencari tokoh yang sesuai untuk ditemuramah 	<ul style="list-style-type: none"> • Memilih bekas Presiden Persatuan Guru-guru Kedah dan bekas Naib Ketua UMNO Kubang Pasu iaitu MOhamad Aman Khan Bin MD. Hussain.
2.30 ptg	01/04/2015	<ul style="list-style-type: none"> • Menghubungi tokoh kali pertama • Membuat panggilan telefon kepada tokoh untuk memohon persetujuan tokoh untuk ditemuramah. 	<ul style="list-style-type: none"> • Proses mendapatkan maklumat mengenai latar belakang Tokoh
11.20 pg	08/04/ 2015	<ul style="list-style-type: none"> • Menghubungi tokoh kali kedua • Membuat panggilan telefon kepada tokoh untuk kali kedua bagi mendapatkan tarikh yang sesuai daripada tokoh untuk ditemuramah • Menghantar laporan kepada pensyarah. 	<ul style="list-style-type: none"> • Tokoh bersetuju untuk di temuramah pada 1 jun 2015 pada jam 3.00 petang di kediaman beliau.

4.30 ptg	22/04/ 2015	<ul style="list-style-type: none"> • Berjumpa dengan pensyarah Pn. Nurul Anissa Binti Abdullah • Mendapat khidmat nasihat daripada pensyarah dan meminta garis panduan bagi pesediaan untuk menemuramah tokoh 	<ul style="list-style-type: none"> • Pensyarah menyemak soalan temuramah yang telah dihantar dan menyusun turutan dan kesesuaian soalan.
03.00 ptg	01/06/2015	<ul style="list-style-type: none"> • Perjumpaan pertama bersama tokoh untuk di temuramah • Temuramah di jalankan di pejabat tokoh selama 1 jam 15 minit 	<ul style="list-style-type: none"> • Memulakan sesi temuramah bersama tokoh pada jam 03.00 petang dan berakhir pada pukul jam 04.15 minit petang
2.00 ptg	04/06/2015	<ul style="list-style-type: none"> • Perjumpaan bersama ahli kumpulan 	<ul style="list-style-type: none"> • Mula mengagihkan tugas dan bahagian rakaman yang telah di buat
8.00 mlm	06/06/2015	<ul style="list-style-type: none"> • Perjumpaan bersama ahli kumpulan 	<ul style="list-style-type: none"> • Mula membuat transkrip
12.00 tengah hari	10/06/2015	<ul style="list-style-type: none"> • Perjumpaan untuk draft pertama 	<ul style="list-style-type: none"> • Menghantar draft pertama untuk disemak
4.00 ptg	11/06/2015	<ul style="list-style-type: none"> • Berjumpa dengan pensyarah 	<ul style="list-style-type: none"> • Membuat pembetulan untuk draft pertama
8.00 mlm	13/06/2015	<ul style="list-style-type: none"> • Perjumpaan bersama ahli kumpulan 	<ul style="list-style-type: none"> • Menyiapkan transkrip akhir sebelum diserahkan kepada pensyarah

2.00 ptg	20/06/2015	<ul style="list-style-type: none"> • Berjumpa dengan Nik Nurin 	<ul style="list-style-type: none"> • Menyerahkan transkrip akhir kepada Nik Nurin untuk proses penjilidan transkrip
3.00 ptg	24/06/2015	<ul style="list-style-type: none"> • Berjumpa dengan penyarah 	<ul style="list-style-type: none"> • Menghantar tugas akhir kepada penyarah untuk tujuan permarkahan

LAMPIRAN 3: SENARAI SOALAN.

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

Mula-mula izinkan kami untuk memperkenalkan diri dan tujuan kami ke mari. Nama saya Muhamad Ainul Ariffin bin Junit dan bersama saya ialah Mohamad Hashime bin Othman. Kami ialah pelajar *Universiti Teknologi Mara* [UiTM] dari bidang ijazah dalam pengurusan teknologi maklumat. Tujuan kami ke mari ialah untuk bertanya dan mengumpul maklumat tentang encik dan sekaligus memenuhi keperluan kursus kami iaitu pendokumentasian sejarah lisan.

Perbualan kita akan dirakam ya encik. Terdapat *tiga* [3] bahagian dalam sesi temuramah ini iaitu latar belakang, pendidikan dan kerjaya. Tanpa membuang masa kita ke bahagian latar belakang.

Mula-mula saya ingin tanya nama penuh encik.

Saya panggil encik la ya. Encik Aman. Dimana encik menetap sekarang?

Adakah encik berasal dari Kedah?

Apakah nama penuh ibu dan bapa encik?

Adakah mereka masih hidup?

Mereka berasal daripada mana?

Adakah ibu encik seorang yang tegas?

Apakah pekerjaan ibu encik?

Adakah encik punya bapa seorang yang tegas?

Apakah pekerjaan bapa encik?

Bilakah encik menamatkan zaman bujang dan berkahwin?

Bilakah tarikh perkahwinan encik?

Apakah nama penuh isteri encik?

Apakah perkerjaan isteri encik?

Bagaimana encik mengenali isteri?

Sekarang encik ada berapa orang anak?

Anak encik lelaki ataupun perempuan?

Adakah anak-anak encik sudah bekerja sekarang atau melanjutkan pelajaran?

Apakah pekerjaan anak-anak encik?

Dimana anak encik yang masih melanjutkan pelajaran?

Adakah encik mempunyai cucu?

Encik mempunyai berapa orang adik beradik?

Encik anak yang ke berapa?

Apakah panggilan mesra encik yang dipanggil oleh anak-anak di rumah dan juga kawan-kawan di tempat kerja?

Apakah hobi dari dahulu hingga sekarang yang masih dilakukan?

Apakah prinsip hidup encik?

Bilakah encik bercadang untuk bersara?

Pada umur berapakah encik meminati dan ingin mengenali dengan lebih meluas mengenai politik di Malaysia?

Pada tahun berapa encik menceburi bidang politik?

Apakah niat encik apabila telah menceburi bidang politik.

Jumlah kelab atau organisasi ketika encik menceburi bidang politik?

Bilakah encik mula bergiat aktif bidang politik ini?

BAHAGIAN 2: PENDIDIKAN TOKOH

Baiklah, sekarang kita beralih kepada bahagian pendidikan.

Pada tahun berapakah encik memulakan zaman persekolahan?

Dimana sekolah rendah pertama encik?

Pada tahun berapakah encik memulakan sekolah mengah dan sekolah itu mana?

Pencapaian semasa sekolah rendah, maksud saya ada mewakili di sekolah ke?

Pencapaian di sekolah menengah?

Kenangan manis semasa di sekolah rendah dulu ke sekolah

Nama guru di sekolah menengah yang banyak membantu encik jika masih ingat?

Sebelum ini dia mengajar di SMK Jitra?

Apakah cita-cita encik pada zaman sekolah dahulu?

Apakah subjek yang diminati dan tidak diminati ketika itu?

Adakah mata pelajaran pada ketika itu lebih susah atau senang berbanding dengan sekarang?

Kebanyakkannya kaum cina?

Siapakah kawan yang paling akrab dengan encik ketika zaman sekolah?

Sampai sekarang ni masih *contact* [berhubung]?

Selepas tamat persekolahan adakah Encik pernah menyambung pengajian dimana-mana?

Result [Keputusan] peperiksaan Encik sewaktu zaman persekolahan dahulu?

Apakah cara-cara atau motivasi yang membuatkan Encik berjaya seperti sekarang?

Selepas habis belajar adakah Encik terus begiat dalam bidang politik?

Adakah Encik sudah terlibat dalam bidang politik ketika masih belajar?

Apakah kerja pertama Encik ketika tamat pengajian?

Gaji pertama Encik semasa bekerja dahulu?

Kebiasaan dahulu Encik menaiki kenderaan apakah untuk pergi bekerja?

Kenderaan untuk pergi ke tempat kerja sekarang? Adakah dengan

menaiki kereta?

Sepanjang karier sebagai ahli politik, adakah Encik pernah menerima anugerah?

Apakah sumbangan yang telah dilakukan oleh Encik sepanjang kerjaya sebagai ahli politik?

Dia daerah atau setiap sekolah pilih seorang?

Di manakah Encik memulakan kerjaya sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri?

Dimanakah kejadian itu berlaku?

Apakah yang membuatkan Encik ingin membantu rakyat-rakyat?

BAHAGIAN 3: KERJAYA

Sekarang *ni* [ini] kita pergi kepada soalan bahagian kerjaya.

Bagaimana perasaan Encik apabila memulakan kerjaya sebagai ahli

politik?

Mengapakah Encik lebih meminati politik berbanding kerjaya sebelum ini?

Kira Encik jadi cikgu tetapi dalam masa yang sama terlibat dalam bidang politik?

Kalau terlibat dalam politik *ni* [ini] boleh dikatakan sebagai sampingan sahajalah?

Yang tu boleh dikategorikan sebagai kerjaya ya kalau dah menjadi wakil rakyat?

Adakah keluarga Encik menyokong sepenuhnya kerjaya Encik sebagai ahli politik?

Adakah cara hidup Encik berubah apabila menceburい bidang politik?

Apakah jawatan Encik ketika menjadi ahli politik?

Bagaimana Encik menghadapi setiap tingkah laku rakyat dan orang bawahan Encik?

Apakah tugas terbesar apabila telah menjadi ahli politik?

Apakah tanggungjawab yang dipikul oleh Encik ketika menjadi ahli politik?

Adakah Encik pernah dirasuh oleh mana-mana pihak?

Adakah Encik pernah di ancam oleh mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab?

Apakah bentuk pingat atau penghargaan yang pernah diterima?

Siapakah tokoh politik kegemaran Encik?

Mengapakah Encik meminati beliau?

Adakah Encik pernah berjumpa dengan Beliau?

Soalan terakhir, adakah Encik menerima mana-mana bantuan kewangan atau nasihat dalam politik?

INDEKS

L

- Laras harmonis 34
Laras kontras 34, 183
Law of Relationship 258
Lightness 24, 52, 73, 75, 80
Lingkaran warna 25, 27, 31, 33, 36, 37, 38,
 42, 44, 73, 80, 165, 216, 217

M

- Medium aural 162
Medium visual 162
Mobil desain 243, 246
Mood 52, 86, 91, 92, 94
Mozaik 85, 109
Musik 8, 11, 33, 68, 84, 91, 96, 99, 100,
 106, 108, 116, 118, 124, 132, 138,
 145, 146, 151, 153, 157, 158, 162,
 163, 164, 165, 176, 210

N

- Neon sign* 15
Newton 31, 43, 44, 261
Nirmana 4, 6, 46, 109, 179, 265
Not musik 11, 33, 163

O

- Objek kubistik 54
Oposisi 99, 100, 103, 107, 113, 116, 120,
 140, 164, 175, 182, 189, 195, 205,
 206, 207, 210, 213, 258

P

- raut, Bentuk segitiga 190
Raut garis 87, 99, 100, 164, 176, 179, 217,
 257
Repetisi 34, 99, 100, 107, 113, 116, 118,
 139, 163, 175, 176, 179, 182, 183,
 187, 189, 190, 194, 195, 207, 210,
 213, 214, 258
Rock N Roll 210
Ruang dwimatra 7, 103, 127, 128, 138, 251
Ruang maya 63, 109, 117, 118, 129, 130,
 131, 138, 141, 182, 195, 196
Ruang trimatra 127, 128, 129, 138, 243, 251,
 252
- S**
- Saturation 24, 71, 73, 75, 80
Sempit 11, 44, 84, 106, 108, 116, 140, 157,
 167, 221, 260
Seni gerak 3
Seni grafis 123, 146, 264
Seni kriya 4
Seni lukis 4, 85, 123, 146, 154, 264
Seniman 4, 31, 112, 127, 128, 160, 259, 265
Seni musik 68, 151, 158, 162, 210
Seni patung 146, 264
Seni sastra 3
Seni suara 3
Seni tari 151, 152, 153, 157, 158, 160, 162,
 210
Seni visual 3
Shade 52, 54, 55, 56, 57, 63, 64, 67, 79,
 166
Silindris 56, 67, 113, 258
Simbol 47, 49, 51, 86, 91
Sinar inframerah 12